

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN B. HAFIZ SYED
ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil kepada pihak atau mereka yang mengeluarkan kata-kata yang menghina Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, unit beruniform dan anggota keselamatan serta kebiadapan menghina agama dan kaum di Malaysia. Sejak muktahir ini hubungan antara kaum di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang mengeluarkan kata-kata yang menghina Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, unit beruniform dan anggota keselamatan serta kebiadapan menghina agama dan kaum di Malaysia. Tindakan tersebut boleh diambil oleh pihak berkuasa berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 bagi memastikan keharmonian antara kaum di Malaysia terus terjaga.

SOALAN NO : 36

Sejak bulan Mei 2018, sebanyak 4 kes yang melibatkan penghinaan Institusi Diraja telah dituduh di Mahkamah di mana seorang telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama setahun. Dua (2) kes adalah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi & Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Manakala 2 kes lagi adalah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948.

Bagi kes yang menyentuh isu perkauman, 2 kes telah dituduh di Mahkamah dan masih di dalam perbicaraan. Bagi kes pertama telah disiasat di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Manakala bagi kes yang kedua, siasatan telah dilakukan di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948.

Selain itu, sebanyak satu kertas siasatan telah dibuka bagi kes penghinaan unit beruniform dan anggota keselamatan. Kertas siasatan berkenaan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan dikategorikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (NFA) pada 10 September 2019.

Pemantauan secara berterusan dilakukan oleh pihak PDRM dengan lebih berhati-hati dan berhemah bagi memastikan sebarang tindakan yang diambil tidak menimbulkan ketegangan di antara kaum dan agama. Perkara ini juga adalah bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat ditangani secara lebih berkesan dengan mengambil kira kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam secara keseluruhan berlandaskan undang-undang yang berkuatkuasa.